

13 JUL 2002

Rahman-Pingat

KEKALKAN KESTABILAN POLITIK, KATA RAHMAN

PULAU PINANG, 13 Julai (Bernama) -- Rakyat Pulau Pinang diminta menghargai keamanan dan keharmonian yang dikecapi dengan memberi sokongan padu kepada kerajaan.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas hari ini berkata dengan sokongan padu itu juga, segala perancangan pembangunan untuk rakyat akan dapat dilaksanakan.

Ketika berucap pada istiadat pengurniaan pingat dan darjah kebesaran negeri sempena ulang tahun beliau yang ke-64 di sini, beliau berkata, perpaduan dan semangat kerjasama rakyat telah membantu kerajaan melaksanakan pembangunan negeri.

Katanya, rakyat juga harus mengubah sikap dengan berani menerokai pelbagai bidang di peringkat antarabangsa seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Rahman berkata, dalam usaha untuk mengubah sikap, sememangnya rakyat akan menghadapi pelbagai rintangan, tetapi mereka harus mempunyai pandangan yang positif dalam mengharungi cabaran globalisasi ini.

Terdahulu itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam ucapannya berkata, kerajaan sentiasa menjalankan pelbagai usaha untuk menggalakkan perkembangan sektor perindustrian di negeri ini walaupun menghadapi persaingan dengan negara China.

Koh berkata, usaha kerajaan terbukti berhasil apabila pelbagai syarikat berteknologi tinggi masih terus berkembang dan menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Beliau berkata, para peniaga juga harus mempelbagai produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong dari Timur Tengah, China, India dan negara-negara Asia yang lain.

Katanya, usaha mempelbagaikan produk itu haruslah disegerakan terutama produk eko-pelancongan, pelancongan warisan, pelancongan pendidikan dan pelancongan perubatan.

Sempena sambutan hari ulang tahun itu, Tun Abdul Rahman meraikan lebih 1,000 tetamu pada majlis jamuan teh di Pusat Arena Sukan Antarabangsa (PISA) di sini, petang ini.

--BERNAMA

AZE ZB